

NO SOALAN :22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sistem piawaian dan kawalan keselamatan untuk bersiapsiaga bagi menempuhi zaman "Mobile Payment" ala ApplePay, AlibabaPay, WeChat Pay dan sebagainya. Apakah jadualnya bagi pelaksanaan secara menyeluruh di Malaysia dan di rantau ASEAN Community.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI), mana-mana pihak, sama ada bank atau bukan bank, perlu memohon kelulusan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk

mengeluarkan instrumen pembayaran yang ditetapkan (iaitu kad caj, kad kredit, kad debit atau *e-money*) sama ada dalam bentuk kad atau dompet elektronik (*e-wallet*).

Justeru, tanpa mengira bentuk instrumen pembayaran yang dikeluarkan, piawaian dan garis panduan sedia ada yang dikeluarkan di bawah APK/APKI terpakai ke atas semua pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan.

Menerusi jadual pelaksanaan secara menyeluruh di Malaysia, BNM terus memupuk persekitaran yang menyokong penggunaan pembayaran mudah alih dengan lebih meluas. Inisiatif untuk memudahkan pembayaran dibuat menggunakan pengenal pasti lazim seperti nombor telefon mudah alih dan nombor Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (*National Registration Identity Card, NRIC*) sedang diusahakan di bawah implementasi platform pembayaran masa sebenar (*Real-time Retail Payments Platform, RPP*) oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd (*PayNet*), pada jangka masa Ogos 2018. Usaha ini disokong oleh perumusan satu rangka kerja perundangan, iaitu Rangka Kerja Pemindahan Kredit Antara Skim (*Inter-scheme Credit Transfer Framework, ICTF*) yang meliputi kaedah-kaedah seperti berikut :

- i) Menggalakkan fungsi saling boleh kendali (*interoperability*) dan piawaian setara melalui infrastruktur yang dikongsi bersama dan terbuka bagi memperluas capaian rangkaian pembayaran;
- ii) Memastikan akses kepada infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama dengan secara terbuka dan adil untuk menggalakkan kerjasama di peringkat infrastruktur;
- iii) Menggalakkan inovasi perkhidmatan nilai ditambah melalui penubuhan *Sandbox* Inovasi dan penerbitan API Terbuka (*Open Application Programming Interface, Open API*) oleh pengendali infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama;
- iv) Melaksanakan langkah-langkah pengurusan risiko yang sewajarnya dengan profil risiko penyedia perkhidmatan pemindahan kredit; dan
- v) Memupuk keyakinan terhadap penggunaan perkhidmatan pemindahan kredit.

Manakala, jadual pelaksanaan secara menyeluruh di rantau ASEAN (*Association of Southeast Asian Nations*) dilaksanakan menerusi Skim Kad Antarabangsa, misalnya *Visa* dan *Mastercard*, yang mana menjalankan operasi rangkaian sistem pembayaran antarabangsa yang membolehkan pembayaran mudah alih seperti *Samsung Pay* digunakan di terminal pembayaran kad buat masa kini di 19

negara, termasuk di beberapa negara ASEAN, iaitu Malaysia, Singapura, Negara Thai dan Vietnam.

Platform pembayaran mudah alih *Alipay* pula kini boleh digunakan oleh pelancong-pelancong dari negara China (PRC) di terminal pembayaran secara pengimbasan kod QR (*Quick Response code*) di 70 buah negara termasuk di beberapa negara ASEAN, iaitu Malaysia, Singapura, Negara Thai, Vietnam dan Laos. Di Malaysia, Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG) telah menjalin usaha sama (*joint-venture*) ekuiti dengan Ant Financial, dalam meneroka untuk menawarkan perkhidmatan *Alipay* kepada pengguna-pengguna dari Malaysia.

Integrasi platform-platform pembayaran runcit nasional (seperti RPP di Malaysia, FAST di Singapura dan *PromptPay* di Negara Thai) di peringkat ASEAN akan membolehkan perkhidmatan pembayaran mudah alih secara menyeluruh di peringkat ASEAN. Walau bagaimanapun, integrasi seumpama ini adalah amat baru dan akan mengambil masa untuk dilaksanakan.